

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PROGRAM ASTRO KEM BOLA 2017

1. PIHAK PENGANJUR

- I. Penganjur Astro Kem Bola 2017 ("Astro Kem Bola 2017" atau "Program") adalah YAYASAN ASTRO KASIH ("Penganjur")
- II. Sebarang pertanyaan berhubung dengan Astro Kem Bola 2017, boleh disalurkan kepada pihak Penganjur di bahagian Hubungi Kami di laman web www.astrokasih.org/kembola

2. PENDAFTARAN DAN PELEPASAN

- I. Dengan penyerahan Borang Pendaftaran rasmi dan Kenyataan Pelepasan Liabiliti Astro Kem Bola 2017 (secara kolektif "Borang-borang") kepada pihak Penganjur, ia adalah dianggap bahawa para peserta dan ibubapa / penjaga mereka:
 - Bersetuju mematuhi semua syarat-syarat penyertaan yang dinyatakan dalam Borang-borang ini;
 - Bersetuju dengan semua syarat "Privasi Polisi" (sekiranya berkenaan) dan "Notis Privasi" yang boleh didapati di laman web: <http://www.astro.com.my/portal/privacy-policy-2/> dan <http://www.astro.com.my/portal/privacy-notice/> masing-masing. Peserta juga bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi yang berkenaan bagi Malaysia dan Singapura.
 - Mengakui kepada Penganjur bahawa peserta berada dalam keadaan sihat dan cergas untuk mengambil bahagian dalam kem pemilihan yang intensif ini.

3. PENYERTAAN

- I. Astro Kem Bola 2017 adalah dibuka kepada semua rakyat Malaysia dan Singapura yang berumur 10 hingga 12 tahun pada tahun 2017 (dilahirkan di antara 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007) dan mempunyai kad pengenalan Malaysia yang sah bagi warganegara Malaysia dan sijil lahir atau passport bagi warganegara Singapura.
- II. Bilangan peserta adalah terhad bagi setiap kem pemilihan di seluruh Malaysia. Penyerahan Borang tidak menjamin peluang yang pasti bagi mana-mana calon untuk mengambil bahagian dalam Astro Kem Bola 2017. Penganjur berhak untuk menolak atau tidak membenarkan penyertaan oleh mana-mana orang atas alasan yang munasabah, termasuk (tanpa had) Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini tidak dipenuhi atau dipatuhi oleh calon tersebut.
- III. Borang-borang tersebut boleh didapati di laman web www.astrokasih.org/kembola.
- IV. Pemohonan untuk pendaftaran atau penyertaan melalui telefon tidak akan diterima.
- V. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mengemukakan Borang yang lengkap di laman web www.astrokasih.org/kembola sebelum tarikh tutup pendaftaran dalam talian (online) Kem Pilihan masing-masing sepertimana yang diperuntukkan dalam fasal 4 (i) di bawah.
- VI. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah, kehilangan atau kerosakan walau apapun sifatnya yang dialami oleh mana-mana orang akibat sebarang kelewatan dan / atau kegagalan dalam menerima dan menghantar Borang akibat daripada mana-mana rangkaian, komunikasi, ISP atau kesilapan sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh Penganjur atau pembekal perkhidmatan telekomunikasi orang tersebut dan/atau akibat daripada penyertaan atau muat turun mana-mana bahan dalam Program. Jika kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan sebegini berlaku, Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan yang dihadapi oleh mana-mana pihak yang mengambil bahagian dalam Program ini atau kegagalan yang dihadapi oleh Penganjur dalam memenuhi tanggungjawabnya di sini.
- VII. Bekas peserta Astro Kem Bola yang pernah menjalani Proram Latihan Pengantarabangsaan yang lepas tidak layak lagi untuk menyertai Astro Kem Bola 2017.

4. TARIKH, MASA DAN LOKASI

- I. Tarikh, masa dan lokasi untuk Astro Kem Bola 2017 adalah seperti yang tertera di laman web www.astrokasih.org/kembola
- II. Semua peserta yang dipilih mesti menghadirkan diri untuk semua sesi latihan. Peserta yang gagal menghadiri latihan tanpa sebab yang munasabah, tidak akan dipertimbangkan untuk pemilihan ke peringkat selanjutnya.
- III. Semua peserta dimaklumkan bahawa sesi latihan terakhir akan diadakan di lokasi yang akan ditentukan oleh Penganjur. Sekiranya sesi latihan terakhir diadakan di luar Malaysia, setiap peserta yang terpilih wajib mempunyai pasport yang sah dengan tempoh sah selama enam (6) bulan. Setiap peserta bertanggungjawab untuk mendapatkan visa atau dokumen-dokumen perjalanan yang diperlukan dan menanggung sebarang kos yang diperlukan untuk mendapatkan dokumen-dokumen tersebut. Pihak Penganjur tidak akan memberi apa-apa bayaran gantirugi jika peserta gagal mendapatkan dokumen-dokumen perjalanan yang diperlukan, walaupunapun keadaan.
- IV. Pihak kawalan pasport dan pihak berkuasa dalam negara yang berkenaan berhak melarang sesiapa dari memasuki mana-mana negara yang dilawati. Jika ada mana-mana peserta dilarang masuk ke dalam atau keluar dari negara yang dilawati, pihak Penganjur tidak bertanggungjawab untuk memberi pampasan atau ganti rugi atau membiayai kos yang bangkit dari larangan ini kepada peserta dan segala perbelanjaan adalah tanggungjawab peserta.

5. JURULATIH-JURULATIH

- I. Latihan di Astro Kem Bola 2017 akan dijalankan oleh jurulatih atau mana-mana pihak yang berkelayakan yang ditentukan oleh Pihak Penganjur.
- II. Keputusan jurulatih adalah muktamad dan surat-menyurat mengenai pemilihan peserta untuk mana-mana sesi termasuk Latihan Lanjutan dan sesi latihan terakhir tidak akan dilayani.

6. PAKAIAN PEMAIN

- I. Semua peserta mesti memakai t-shirt atau pakaian rasmi yang disediakan oleh Penganjur sepanjang masa di Astro Kem Bola 2017.
- II. Peserta dikehendaki untuk memakai stoking nilon sendiri, pelindung tulang kering dan kasut bola sepak sepanjang sesi latihan Astro Kem Bola 2017. Selain daripada t-shirt atau pakaian rasmi, Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab untuk membekalkan apa-apa pakaian lain kepada peserta.
- III. Peserta mesti memastikan bahawa pakaian mereka adalah sentiasa kemas dan bersih sebelum setiap sesi latihan Astro Kem Bola 2017.

7. KESELAMATAN

- I. Walaupun semua langkah keselamatan akan diambil oleh Pihak Penganjur sepanjang Program, para peserta bertanggungjawab untuk keselamatan sendiri. Para peserta mengakui bahawa penyertaan beliau dalam Program adalah pada risiko tunggal diri-sendiri. Penganjur tidak akan bertanggungjawab jika terdapat apa-apa kecederaan, kecacatan atau kehilangan nyawa semasa perjalanan Program ini.
- II. Penganjur-penganjur mempunyai hak mutlak untuk melarang dan membatalkan penyertaan mana-mana peserta dari Astro Kem Bola 2017 jika didapati bahawa peserta berada dalam keadaan kesihatan fizikal yang tidak baik.

- III. Taklimat akan diberi oleh Pihak Penganjur dan jurulatih Astro Kem Bola 2017 mengenai langkah-langkah keselamatan semasa sesi latihan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan semasa sesi latihan, Penganjur akan menyediakan bantuan perubatan yang munasabah kepada peserta yang terlibat.

8. TATATERTIB

- I. Semua peserta hendaklah menghormati jurulatih-jurulatih, pegawai-pegawai dan peserta-peserta lain.
- II. Peserta adalah dilarang daripada terlibat dalam tingkah-laku yang tidak boleh diterima seperti:
 - Bergaduh, atau memulakan pergaduhan dengan orang lain, termasuk mana-mana pihak ketiga;
 - Berniat menyebabkan orang lain cedera parah;
 - Menghina dan menyinggung perasaan orang lain;
 - Merokok, penyalahgunaan dadah atau membawa bahan-bahan yang berbahaya kepada kesihatan peserta ke premis atau kawasan latihan dimana Program diadakan.
 - Berniat menyebabkan kerosakan kepada peralatan dan kemudahan yang didapati di premis atau kawasan latihan dimana Program diadakan.
- III. Semua peserta mesti mematuhi keperluan kehadiran yang ditetapkan oleh jurulatih.
- IV. Pihak Penganjur berhak untuk melarang dan membatalkan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini atau semasa Program dijalankan.

9. LAIN-LAIN

- I. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan wang atau harta oleh mana-mana peserta semasa perjalanan Program.
- II. Kebersihan mana-mana tempat, termasuk semua padang bola sepak dan premis yang digunakan untuk Program ini adalah tanggungjawab semua peserta dan mesti dikekalkan sepanjang tempoh Program ini.
- III. Pihak Penganjur akan mempertimbangkan semua rayuan kecuali bagi kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam fasal 8 (ii) di atas dan akan berusaha untuk berkomunikasi hasil rayuan ini dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penerimaan rayuan-rayuan tersebut.
- IV. Pihak Penganjur berhak pada bila-bila masa untuk mengubah, menukar, meminda, membatalkan atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini pada budi bicara mutlak tanpa memberi notis terlebih dahulu.
- V. Pihak Penganjur boleh menamatkan atau menggantung Program ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka di mana, Pihak Penganjur mempunyai budi bicara untuk tidak memilih mana-mana peserta. Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan daripada penamatan atau penggantungan program tersebut. Jika Program disambung semula oleh Pihak Penganjur, peserta-peserta hendaklah mematuhi keputusan Pihak Penganjur mengenai penyambungan semula Program ini.
- VI. Peserta tidak berhak untuk memberikan apa-apa hak atau sub-kontrak mana-mana obligasi yang terkandung di sini. Penganjur-penganjur berhak untuk menyerahkan hak atau sub-lesen keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya di bawah dokumen ini kepada mana-mana pihak ketiga seperti yang ditentukan oleh Penganjur-penganjur.
- VII. Terma-terma dan Syarat-syarat Program ini hendaklah ditafsirkan, ditadbirkan dan dijelaskan selaras dengan undang-undang Malaysia.

- VIII. Peserta dan ibu bapa / penjaga / "chaperons" hendaklah menganggap semua Terma-terma dan Syarat-syarat dan peraturan-peraturan Program ini dan semua maklumat dan pengetahuan yang diperolehi oleh peserta berhubung dan / atau berkaitan dengan Program dan / atau diperolehi sebagai hasil daripada penyertaan beliau dalam yang sama, termasuk tanpa had butiran perniagaan dan operasi Pihak Penganjur, dan butir-butir mengenai mekanik Program (selepas ini secara kolektif dikenali sebagai "Maklumat Sulit"), sebagai sulit dan peserta hendaklah, semasa dan selepas tempoh Program, mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pendedahan Maklumat Sulit kepada orang yang tidak dibenarkan atau entiti atas apa jua sebab dan mengakujaji untuk menyerah kembali kepada Penganjur-penganjur semua bahan-bahan yang mengandungi Maklumat Sulit termasuk sebarang dokumentasi, rekod-rekod, senarai-senarai, nota-nota, lakaran-lakaran, lukisan-likisan, memorandum-memorandum, model-model, akaun-akaun, bahan-bahan rujukan, sampel dan media yang dibaca menggunakan sebarang mesin dan peralatan yang berkaitan dengan Maklumat Sulit termasuk semua salinan dan salinan daripadanya.
- IX. Melainkan jika diberitahu oleh Pihak Penganjur, semua kos yang ditanggung oleh peserta berhubung dan / atau dengan berkenaan kepada Program termasuk tanpa had caj pos atau Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) caj (jika berkenaan), semua kos pengangkutan, caj komunikasi, kos makan, penginapan dan kos lain-lain yang berkaitan yang ditanggung oleh peserta akibat dan / atau menurut penyertaan beliau dalam Program hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh peserta. Pihak Penganjur tidak mempunyai sebarang obligasi untuk membayar balik kepada peserta untuk mana-mana kos yang disebutkan diatas dan perbelanjaan yang ditanggung daripadanya.
- X. Bahasa utama bagi Terma-terma dan Syarat-syarat adalah bahasa Inggeris. Terjemahan kepada bahasa lain yang selain daripada bahasa Inggeris adalah dibuat untuk memudahkan pemahaman sahaja. Sekiranya apa-apa ketidakselarasan diantara bahasa Inggeris dan bahasa lain, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan melebihi semua aspek.
- XI. Ketidaksahan, kesalahan undang-undang atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang tidak boleh dikuatkuasakan di dalam dokumen ini tidak akan memberi kesan atau menjejaskan kesinambungan kuasa bagi Terma-terma dan Syarat-syarat Program yang masih beroperasi.
- XII. Semua hak dan keistimewaan yang diberikan kepada Pihak Penganjur adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada penamatan sekatan, atau injunksi di bawah mana-mana dan semua keadaan. Peserta tidak akan mempunyai hak untuk relief injunksi di dalam apa keadaan untuk menghalang atau selainnya mengganggu organisasi Program, pengeluaran, pengedaran, pameran dan / atau eksploitasi apa-apa rakaman Program dan / atau mana-mana produk berdasarkan dan / atau diperolehi daripada Program.